

11 DEC 1997

Mahathir-Pelaburan

DR MAHATHIR MENGENAI BURUK-BAIKNYA PELABURAN ASING

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

TEHRAN, 11 Dis (Bernama) -- Dengan mengambil contoh pengalaman Malaysia menghadapi penurunan nilai ringgit dan kejatuhan pasaran saham, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah bercakap mengenai buruk-baiknya pelaburan asing.

Perdana Menteri berkata pelaburan asing yang bercorak produktif untuk mengeluarkan barangan dan perkhidmatan adalah baik kerana ia menyumbangkan kepada kewujudan kemahiran, pekerjaan dan kemakmuran dalam sesebuah negara.

"Bagaimanapun ada lagi satu jenis pelaburan yang tidak baik iaitu pelaburan jangka pendek dan wang panas dalam pasaran saham," katanya apabila ditanya mengenai peranan syarikat-syarikat antarabangsa (MNC), dalam pengalaman Malaysia menghadapi penurunan nilai ringgit.

Beliau bercakap pada sesi dialog dengan ketua-ketua pegawai eksekutif terkemuka, pengurus-pengurus kanan dan ahli akademik Iran di Institut Pengurusan Industri di sini pada hari Rabu.

Dr Mahathir berkata pelabur-pelabur sedemikian hanya mahu meningkatkan nilai saham-saham dan menjualnya apabila harga naik tinggi. Mereka kemudian akan mengambil keuntungan modal itu dan berpindah ke negara lain.

Dr Mahathir berkata MNC seperti itu perlu dihindari, tetapi sebaliknya MNC yang melabur secara produktif tidak akan mendatangkan apa-apa keburukan.

"Tidak ada apa yang boleh diambil mereka kerana semuanya boleh dikatakan 'dipaku ke lantai,' oleh itu mereka memilih untuk terus menetap di negara berkenaan.

"Malahan di Malaysia tidak satu pun daripada mereka yang keluar," katanya.

Sementara MNC baru masuk, yang sudah berada di Malaysia sedang menambah pelaburan mereka, memandangkan dengan meningkatnya nilai matawang mereka berbanding dengan ringgit, mereka memerlukan jumlah (matawang mereka) yang lebih rendah untuk terus melabur, kata beliau.

Dr Mahathir, yang berada di sini untuk menghadiri Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), juga menjelaskan aspek negatif perdagangan matawang dan usaha kerajaan bagi menangani masalah penurunan nilai ringgit.

"Banyak kesukaran terpaksa dilalui untuk pulih semula," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia telah kerugian kira-kira AS\$140 bilion dalam masa empat bulan lepas akibat penurunan nilai ringgit itu.

Ini kerana pendapatan per kapita sebanyak AS\$5,000 telah menjadi kurang kepada AS\$3,000 berikutan kejatuhan nilai ringgit sebanyak 40 peratus.

"Kami mengambil masa 15 tahun untuk meningkatkan pendapatan per kapita kami daripada AS\$3,000 kepada AS\$5,000 dan sekarang kami kembali kepada AS\$3,000. Mungkin ia akan mengambil masa 15 tahun (untuk meningkat balik kepada AS\$5,000), saya harap tidak sampai begitu," katanya.

Selain langkah berjimat cermat yang diambil dalam negeri, Dr Mahathir berkata: "Untuk memulihkan ekonomi kami, kami perlu meningkatkan perdagangan, mencari rakan kongsi baru."

Beliau berharap Iran dapat menjadi rakan perdagangan yang baik untuk Malaysia yang sudahpun melabur dalam sektor minyak dan gas di negara ini.

Katanya para pemimpin Iran termasuk Presiden Mohammad Khatami telah mengulangi perlunya bagi Iran dan Malaysia meningkatkan kerjasama mereka.

-- BERNAMA

AZZ WAT NMO